



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **26 Aug2021 (Thursday)**

### **Berita Harian**

Selangor sedia laksana suntikan ketiga jika perlu	1
215 kes aktiviti tanah haram di 10 kawasan	2

### **Utusan Malaysia**

Henti bermain politik	3
Tak salah jawatan TPM dikosongkan	4
TPM: Bersatu serah kepada Ismail Sabri	5
UPSI perkenal kursus Diploma Thurath Islami	6

### **Harian Metro**

Laksana jika perlu	7
--------------------	---

### **Kosmo**

Selangor sedia beri suntikan ketiga	8
-------------------------------------	---

### **Sinar Harian**

Selangor siap sedia beri dos ketiga menerusi SelVAX	9
215 kes kerja tanah haram dikesan	10
Bantu KKM pantau individu kuarantin	11
JPNS roboh binaan, kolam ikan di HSK Templer	12
Selangor sedia 11 PPV walk-in kepada warganegara	13

### **Bernamea News Channel**

Program Selvax Dalam Persiapan Beri Suntikan Ketiga	14
Sebanyak 169 Kerja Tanah Haram Di Selangor Dikompaun	15
Selangor Dicadang Bantu KKM Pantau Pesakit Covid-19 Kuarantin Dirumah	16

### **Bernamea Radio 24**

Sidang DUN Selangor Diberitahu Program Vaksinasi Selangor Kini Dalam Persiapan Memberi Dos Ketiga	17
---	----

### **Nasional FM (87.7)**

169 Kerja Tanah Haram Dikompaun	18
---------------------------------	----

### **RTM1**

Isu Kesihatan Mental : Fokus Tangani Masalah Lebih Holistik	19
Program Mental Sihat : Fokus Tangani Masalah Lebih Holistik	20

### **Selangor TV**

Bayar Cukai Taksiran Melalui eCukai@MBPJ Dapat Barangan Elektrik	21
Cadang Selcare Bantu KKM Pantau Pesakit Covid-19 Dirumah	22
MAIS Semarak Merdeka, Edar Jalur Gemilang	23
MPK Sumbang 5,800 Bakul Makanan Bantu Golongan Sasar	24
Pengambilan Kad Nikah Ikut Janji Temu - JAIS	25
Selangor Mampu Masuk Fasa 2 PPN September Ini - ADN	26

### **Sinar FM**

Program Selvax Dalam Persiapan Untuk Suntikan Dos Ketiga	27
--	----



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **TV3**

Program Selvax Dalam Persiapan Untuk Suntikan Dos Ketiga	28
Program SelVax Dalam Persiapan Untuk Suntikan Dos Ketiga	29

### **The Star**

PARKS REOPENING	30
ROAD CLOSURE	31
Arts to receive state support via social media platforms	32
Over 200 cases of illegal earth clearance work	33
Selangor spends RM127mil on vaccines under Selvax	34
140 needy families receive food baskets from MBSJ	35
Subsidy for 3,000 p-hailing riders	36

### **The Sun**

Compounds issued over encroachment of state land	37
--	----

### **Bernamea News Channel**

Selangor Mxing Preparation For Selvax Booster Dose	38
Selangor Mxing Preparation For Selvax Booster Dose	39

### **BFM89.9**

Selangor Making Preparation For Selvax Booster Dose	40
---	----

### **Lite FM**

Selangor Mxing Preparation For Selvax Booster Dose	41
--	----

### **Mix FM**

Selangor Making Preparation For Selvax Booster Dose	42
---	----

### **The Malaysian Reserve**

Selangor prepares for vaccine booster initiative	43
--	----

### **Traxx FM (90.3)**

Program SelVax Dalam Persiapan Untuk Suntikan Dos Ketiga	44
Selangor making preparations for booster dose under Selvax programme	45

### **TV3**

Selangor Mxing Preparation For Selvax Booster Dose	46
--	----

### **China Press**

Siti Mariah: The youth vaccination plan is waiting for approval, SELVAX is ready for the third dose plan.	47
---	----

### **Sin Chew Daily**

Siti Mariah: 3,996 deaths from the pandemic in Selangor as of August 10 this year	48
Menteri Besar: Selangor implements Data Internet Selangor to benefit low-income groups	49
Ng Mei Sze urges Selangor government to pressure MDA to lower self-test kits to the reasonable prices	50
Selangor continues to sell vaccines through clinics and can be used as a third dose for under 18s	51
MPKj: 6 Park reopens but SOPs must be observed and surprise inspections will be conducted at any time	52
Pandamaran screening event the day after tomorrow, first 300 participants free	53



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



Unlicensed barber shops and a grocery shop selling live chickens, each fined RM1000	54
<b>Nanyang Siang Pau</b>	
4 ways to handle the leftover vaccines, Selangor may provide booster shots for people	55
Selangor government lent agricultural land to encourage enterprise to help young people be engaged in agriculture	56
<b>Tamil Malar</b>	
Subsidy to 101 Tamil school in Selangor	57
<b>8TV</b>	
Selangor Making Preparation For Selvax Booster Dose	58
<b>RTM2</b>	
Selangor Siap Sedia Laksana Suntikan Ketiga Jika Perlu	59



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 26 August 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Selangor sedia laksana suntikan ketiga jika perlu
Muka Surat	:	7

### Selangor sedia laksana suntikan ketiga jika perlu

**Shah Alam:** Kerajaan negeri menerusi Program Selangor Vaksin (SelVAX) kini dalam persediaan untuk melaksanakan suntikan ketiga (booster shot) sekiranya perlu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud, berkata persediaan turut dilakukan untuk penerima vaksin golongan berusia 18 tahun ke bawah.

"Bagaimanapun, ia tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID (JKJAV)," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, semalam.

Beliau berkata sedemikian bagi menjawab soalan Wong Siew Ki (PH-Balakong) yang bertanya mengenai jumlah baki vaksin Program SelVAX serta perancangan yang akan dilakukan dengan baki vaksin berkenaan.

Dr Siti Mariah berkata, sehingga 22 Ogos lalu, bilangan dos vaksin yang sudah disuntik menerusi SelVAX Komuniti 224,880 dos dan baki dos sebanyak 275,120 dos.

"Bagi SelVAX Industri, bilangan dos vaksin yang sudah disuntik (sehingga 22 Ogos) 142,719 dos daripada 750,000 dos yang diperuntukkan berdasarkan stok yang sudah dibeli.

"Justeru, baki adalah 607,281 dos," katanya.

Dalam pada itu, Dr Siti Mariah turut memohon maaf kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bukan kerajaan di Selangor kerana tidak memaklumkan berhubung maklumat terkini khususnya pembatalan operasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) SelVAX.

"Secara umumnya keseluruhan (program SelVAX) berjalan dengan baik, namun saya minta maaf kalau maklumat tidak sampai kepada ADUN (bukan kerajaan).

"Kita membuat banyak heban di media sosial mengenai lokasi PPV, bila dan sebagainya.

"Insya-Allah, selepas ini saya sendiri akan hantar kepada semua ADUN bukan kerajaan.

"Saya minta maaf sebab kita ada juga hantar kepada penyelaras ADUN dan maklumat ini sampai kepada mereka," katanya yang menjawab soalan tambahan Haniza Mohamed Talha (PN-Lembah Jaya) berhubung pembatalan operasi PPV SelVAX yang tidak dimaklumkan kepada ADUN bukan kerajaan di Selangor.



**KERATAN AKHBAR**  
**26 August 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	215 kes aktiviti tanah haram di 10 kawasan
Muka Surat	:	9

**Sidang DUN Selangor**

# 215 kes aktiviti tanah haram di 10 kawasan

## 169 kesalahan dari 2020 hingga Jun dikompaun

Oleh **Norzamira Che Noh**  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Sebanyak 215 kes kerja tanah haram dikesan di 10 kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor sepanjang 2020 hingga Jun lalu dengan 169 kes dikompaun, kata Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari.

Katanya, kerja tanah haram tertinggi direkodkan Majlis Perbandaran Klang (MPK) dengan 52 kes, diikuti 40 kes di kawasan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), 36 di kawasan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), 33 di kawasan

Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) dan 19 di kawasan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

Selain itu, 15 kes dikesan di kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), 12 kes di kawasan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), lima kes di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), dua di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan satu kes di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Bagi jumlah kompaun, beliau berkata, keseluruhan 40 kes dikesan di MPKj, diikuti MDHS (36), MPK (23), MPS (19), MPKL (16), MBSJ (15), MPSepang (12), MPAJ (5), MBPJ (2) dan satu di MBSA.

“Tindakan bersepadu diambil bersama pelbagai agensi untuk kerja tanah tanpa kebenaran,” katanya menjawab soalan Edry Faizal Eddy Yusof (PH-Dusun Tua) pada persidangan Dewan Undangan Negeri

(DUN) Selangor, semalam.

Katanya, ada dua situasi kerja tanah tanpa kebenaran, iaitu yang tiada kesan kepada kacau ganggu dan yang ada kesan sampingan.

“Jika ada kesan kacau ganggu, kompaun berulang akan dikenakan kepada pemilik atau pemaju dan fail siasatan akan dibuka untuk tindakan lanjut jika tiada tindakan diambil pemaju,” katanya menambah, tiada kelonggaran peraturan sedia ada mengenai penggunaan tanah kerajaan untuk pertanian atau penternakan.

Katanya, sekiranya peraturan diubah, ia akan memberi kesan kepada kependudukan dan isi tanah di Selangor memandangkan tanah di negeri ini terhad, namun jika setakat tujuan penternakan, peluang diberi untuk memohon secara rasmi dan kebenaran boleh dipertimbangkan seperti Lesen Pendudukan Sementara (LPS).



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 26 August 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Henti bermain politik
Muka Surat	:	2

### Minda Pengarang

NIZAM ABDUL HAMID



## *Henti bermain politik*

SELEPAS Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengangkat sumpah Perdana Menteri Sabtu lalu, ramai menyangka kemelut politik akan berakhir.

Namun politik tidak pernah berhenti dan rakyat sekali lagi dibabitkan sama untuk menentukan pula siapa Timbalan Perdana Menteri yang baharu. Memang agak memeningkan Perdana Menteri yang baharu itu untuk memilih tambalannya ketika nombor majoriti beliau agak kritikal iaitu 114 daripada 220 ahli Parlimen.

Beliau juga sebenarnya boleh sahaja tidak melantik Timbalan Perdana Menteri seperti dilakukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, namun isu bakal pemimpin nombor dua itu terus berlegar dan panas diperkatakan.

Nasib baik Ismail Sabri awal-awal lagi sudah menyatakan Kabinet baharu yang bakal dibentuknya dalam minggu ini tanpa penyertaan wakil daripada parti pembangkang, jika tidak lagi banyak nama akan disebut-sebut sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Ekoran itu beberapa nama daripada Bersatu timbul kononnya akan dipilih ke jawatan tersebut antaranya Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, Datuk Seri Hamzah Zainuddin dan Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Kesemua mereka dikatakan layak kerana berpengalaman dan juga sebagai tanda sokongan Bersatu kepada Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri Kesembilan. Malah lebih teruk, kononnya jika Kabinet baharu tanpa Bersatu sebagai Timbalan Perdana Menteri, maka sokongan mereka akan ditarik balik.

Malah parti-parti dari Sarawak juga berharap pemimpin tempatan atau Sabah turut diangkat sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Cadangan dengan syarat itu boleh menggugat kedudukan Ismail Sabri dan tidak mustahil kemelut kuasa yang dihadapi oleh dua bekas Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Muhyiddin selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 pada 2014 akan berulang.

Jika berlaku, ia hanya menunjukkan ahli politik tidak kisah pun sekiranya mereka dituduh rakus, gila kuasa dan pelbagai lagi. Yang penting mereka mendapat kuasa.

Mereka juga tidak peduli dengan sentimen rakyat yang sudah bosan dengan permainan politik terutama ketika negara dilanda pandemik Covid-19 yang menyaksikan ramai kehilangan pekerjaan, perniagaan dan kehilangan ahli keluarga.

Apakah pemimpin politik terlibat lupa, dunia sedang memerhati dan menunggu masa sahaja untuk mentertawakan Malaysia yang satu ketika dahulu pernah bercita-cita untuk duduk sama tinggi dengan negara maju lain termasuk dari segi pemikiran politiknya.

**Nizam Abdul Hamid ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia.**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

26 August 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tak salah jawatan TPM dikosongkan
Muka Surat	:	5

# Tak salah jawatan TPM dikosongkan

Oleh **NADIA HASHIM**  
nadia.hashim@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Tiada keperluan jawatan Timbalan Perdana Menteri diwujudkan ketika ini.

Felo kanan Institut Hal Ehwal Antarabangsa Singapura, Dr. Oh Ei Sun berkata, tidak ada salahnya jika Perdana Menteri memerintah negara tanpa Timbalan Perdana Menteri walaupun Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dikatakan mahu jawatan itu dimiliki oleh ahli partinya. "Ini bergantung kepada keper-

luan semasa, sama ada ia perlu atau tidak, malah tidak ada salahnya jika negara tidak mempunyai Timbalan Perdana Menteri.

"Tetapi apa yang dapat dilihat sekarang adalah Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mempunyai beberapa kesepakatan antara pihak Bersatu dalam memilih siapa yang bakal memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Terdahulu, bertiup kembang desas-desus nama dua pem-

impin daripada Bersatu yang bakal menduduki jawatan Timbalan Perdana Menteri iaitu Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Hamzah Zainudin dan Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Sementara itu, pensyarah politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Kartini Aboo Talib berkata, jawatan Timbalan Perdana Menteri boleh dibiarkan kosong dan hanya pelantikan Menteri Kanan dilakukan seperti mana pentadbiran Tan Sri Muhyiddin

Yassin sebelum ini.

"Jika jawatan Timbalan Perdana Menteri akan menyebabkan perebutan dan kekusutan, lebih elok dibiarkan kosong dahulu.

"Saya kira untuk membentuk sebuah Kabinet yang harmoni dan berfungsi, beberapa faktor iaitu etnik dan agama, wilayah, ahli Parlimen parti dalam gabungan, dan juga kepakaran perlu diambil kira," katanya.

Tambahnya, sewajarnya pada ketika ini rakyat tidak harus dibebani dengan masalah demokrasi berperwakilan kera-

na berlaku ahli Parlimen yang menang melalui pilihan raya lupa diri dan menggunakan hak mereka untuk kepentingan peribadi dan parti.

"Rakyat tidak mahu melihat ketidakstabilan berlaku dalam kerajaan semata-mata kerana perebutan jawatan dan menarik sokongan sesuka hati mereka sepanjang masa sehingga usaha untuk memulihkan ekonomi rakyat dihambat oleh perebutan kuasa.

"Ini adalah suatu yang dikira agak melampau," tegasnya.



**KERATAN AKHBAR**  
**26 August 2021**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	TPM: Bersatu serah kepada Ismail Sabri
Muka Surat	:	5

## TPM: Bersatu serah kepada Ismail Sabri

**BALIK PULAU:** Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berhubung keperluan melantik Timbalan Perdana Menteri dalam barisan Kabinet baharu kerajaan pimpinannya.

Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Bersatu, Datuk Seri Mohd. Redzuan Md. Yusof berkata, Perdana Menteri sudah semestinya mahu membentuk Kabinet beliau sendiri yang dirasakan boleh bekerjasama.

“Tidak ada gunanya jika Perdana Menteri melantik orang yang hebat sekali pun tetapi tidak boleh bekerjasama, sebab Kabinet nanti tidak boleh berfungsi seperti sepatutnya,” kata Ahli Parlimen Alor Gajah itu kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kepada 100 penduduk di beberapa kampung yang terjejas akibat banjir kilat baru-baru ini.

Beliau mengulas spekulasi pelantikan Timbalan Perdana Menteri dengan dua pemimpin daripada Bersatu disebut-sebut bakal menduduki jawatan TPM iaitu Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Hamzah Zainudin dan seorang lagi Ahli MPT, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Kedua-dua pemimpin itu dikatakan calon utama Bersatu bagi mengisi jawatan nombor dua negara berkenaan sekali gus meredakan sebarang ancaman penarikan sokongan terhadap Ismail Sabri.

Mengenai peluangnya dilantik menyertai Kabinet baharu, Mohd. Redzuan berkata, beliau berharap dipilih sekali lagi sebagai menteri kerana masih mempunyai urusan yang belum diselesaikan terutama berkaitan Wawasan Kemakmuran Bersa-



**MOHD. Redzuan Md. Yusof menghulur bantuan kepada Nolia Abdullah dan Hamid Omar di Kampung Masjid, Teluk kumbar, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/MOHAMMAD FIRDAUS AMRAN**

ma 2030.

Sementara itu, Timbalan Presiden, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, beliau tidak kecewa jika tidak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri malah tetap akan menyokong Ismail Sabri.

“Sekarang saya kembali kepada kapasiti saya sebagai ADUN Chenderiang dan Ahli Parlimen Tambun, dua tanggungjawab ini cukup besar. Saya tak kecewa,” ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Ketua Whip Gabungan Parti Sarawak (GPS), Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, beliau akur

dengan sebarang keputusan Ismail Sabri Yaakob jika jawatan tersebut diberikan kepada pemimpin selain daripada Sabah dan Sarawak.

Katanya, GPS setakat ini juga tidak pernah membuat sebarang tuntutan rasmi untuk mengisi jawatan itu daripada Ismail Sabri.

“Kita serahkan pada Ismail Sabri dan Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg. Ikut mana yang terbaik walaupun ada banyak pandangan sama ada mahu diwujudkan atau tidak jawatan TPM 2 ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sebelum ini Setiausaha Agung Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Datuk Sebastian Ting berkata, jawatan Timbalan Perdana Menteri 2 wajar diberi kepada Sarawak dan Sabah sebagai menghargai kedua-dua negeri itu, yang telah banyak memberi sumbangan kepada pembangunan negara sejak tahun 1963.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan dua nama iaitu Fadillah dan Setiausaha Agung GPS, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi yang juga bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 26 August 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	UPSI perkenal kursus Diploma Thurath Islami
Muka Surat	:	22

**A**KADEMI Pondok Bitara, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bakal menawarkan Diploma Thurath Islami untuk pelajar lepasan pondok di negara ini.

Diploma itu akan membuka peluang kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) awal 2022. Akademi Pondok Bitara UPSI adalah satu-satunya unit yang melaksanakan aktiviti melalui sistem pondok di universiti khususnya UPSI. Ia juga menjadi keunikan akademi ini di Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI.

Menurut Naib Canselor UPSI, **Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taif**, langkah itu mampu menjadikan pusat dan hab pendidikan Turath Islami yang signifikan dengan statusnya sebagai Universiti Pendidikan tunggal di Malaysia.

Beliau berkata, UPSI bakal menjadi universiti awam pertama menyediakan peluang pengajian pondok kepada masyarakat yang telah mengikuti pengajian secara formal dan tidak formal.

Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan, **Prof. Madya Dr. Mohd Hairy Ibrahim** pula berkata, pihaknya berhasrat menawarkan program pengajian peringkat diploma.

Katanya, ini agar lepasan pondok yang memenuhi syarat kelayakan boleh menyambung pengajian

# UPSI perkenal kursus Diploma Thurath Islami



bidang Pengajian Islam secara lebih mendalam berasaskan kitab turath.

Beliau berkata, akademi itu menjalin kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Perak (JAIP), Yayasan Addin, Jabatan Mufti Perak dan agensi-agensi kerajaan lain dan beberapa pusat pondok secara tradisional di beberapa negeri.

"Bakal pelajar diploma ini mampu mengaplikasi kemahiran teknikal termasuk penggunaan teknologi terkini dan ICT yang digunakan dalam pengajian Turath Islami selain mampu mengurus maklumat dengan cekap dalam bidang Turath Islami.

"Diploma ini juga mampu melahirkan graduan yang akan memberi tindak balas positif terhadap isu kontemporari berkaitan dengan pengajian Turath Islami."



**DR. MOHD. HAIRY IBRAHIM**

katanya.

Secara tidak langsung penawaran Diploma Thurath Islami memberi peluang kepada pelajar lepasan pondok yang berdaftar dan tidak berdaftar bersama-sama pelajar lepasan sekolah arus perdana mendapatkan kelulusan yang diiktiraf oleh sistem pendidikan rasmi yang sedia ada.

Diploma Thurath Islami mempunyai ciri-ciri transformatif berasaskan penyampaian abad ke-21 menerusi ruang pembelajaran yang futuristik serta



**Diploma ini juga mampu melahirkan graduan yang akan memberi tindak balas positif terhadap isu kontemporari berkait dengan pengajian Turath Islami."**

penggunaan teknologi digital terkini bagi mewujudkan pembelajaran imersif berdasarkan pengalaman.

Pelajar juga didedahkan dengan gaya pembelajaran konvensional dan terkini melalui pendekatan pembelajaran secara masteri dan kendiri.

Akademi Pondok Bitara UPSI juga bakal menjalin kerjasama dengan Majlis

Agama Islam Selangor (MAIS), Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Jabatan Pendidikan Islam, Pejabat Pendidikan Negeri Terengganu, Majlis Agama Islam negeri Pulau Pinang dan Kedah serta beberapa Jabatan Agama Islam Negeri-negeri lain.

Akademi pondok Bitara UPSI bekerjasama dengan universiti awam lain termasuk Universiti Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan beberapa institusi pondok swasta dalam mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran secara maya.

Selain itu Akademi Pondok Bitara turut menjalin kerjasama dengan tokoh-tokoh pondok di seluruh Malaysia dalam mengukuhkan aktiviti dan program yang dilaksanakan.

Dalam norma covid-19 ini, program Akademi Pondok Bitara telah dilaksanakan secara maya atau dalam taliandan akan mengundang tokoh-tokoh pondok di Malaysia untuk membantu Jawatankuasa Akademi Pondok Bitara UPSI.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 26 August 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Laksana jika perlu
Muka Surat	:	7

### SIDANG DUN SELANGOR

# Laksana jika perlu

## Suntikan ketiga vaksin Covid-19 menerusi program SelVAX

Oleh Norzamira  
 Che Noh  
 am@hmetro.com.my

#### Shah Alam

**K**erajaan negeri menerusi Program Selangor Vaksin (SelVAX) bersedia melaksanakan suntikan ketiga (*booster shot*) vaksin Covid-19 kepada rakyat negeri ini sekiranya perlu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, persediaan turut dilakukan untuk penerima vaksin bagi golongan berusia 18 tahun ke bawah.

“Bagaimanapun, ia tertakluk kepada kelulusan oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid (JKJAV),” katanya pada Sidang Dewan Unda-



*Secara umumnya keseluruhan (program SelVAX) berjalan dengan baik namun saya minta maaf kalau maklumat tidak sampai kepada Adun (bukan kerajaan). Ini kerana kita membuat banyak hebahan di media sosial mengenai lokasi PPV, bila dan sebagainya”*

**Dr Siti Mariah Mahmud**

ngan Negeri (Dun) Selangor di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan **Wong Siew Ki (PH-Balakong)** yang bertanyakan jumlah baki vaksin Program SelVAX serta perancangan

yang akan dilakukan dengan baki vaksin berkenaan.

Dr Siti Mariah berkata, sehingga 22 Ogos lalu, bilangan dos vaksin yang sudah disuntik menerusi SelVAX Komuniti adalah 224,880 dos dan baki dos adalah sebanyak 275,120 dos.

“Bagi SelVAX Industri, bilangan dos vaksin yang sudah disuntik (sehingga 22 Ogos) adalah 142,719 dos daripada 750,000 dos yang diperuntukkan berdasarkan stok yang sudah dibeli. Justeru, baki dos adalah sebanyak 607,281 dos,” katanya.

Dalam pada itu, Dr Siti Mariah turut memohon maaf kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) bukan kerajaan di Selangor kerana tidak memaklumkan berhubung maklumat terkini khususnya pembatalan operasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) SelVAX.

“Secara umumnya keseluruhan (program SelVAX) berjalan dengan baik, namun saya minta maaf kalau maklumat tidak sampai kepada Adun (bukan kerajaan). Ini kerana kita membuat banyak hebahan di media sosial mengenai lokasi PPV, bila dan sebagainya.

“Insya-Allah, selepas ini saya sendiri akan hantar (maklumat) kepada semua Adun bukan kerajaan,” katanya ketika menjawab soalan tambahan **Haniza Mohamed Talha (PN-Lembah Jaya)** berhubung pembatalan operasi PPV SelVAX yang tidak dimaklumkan kepada Adun bukan kerajaan di Selangor.

Sementara itu, Dr Siti Mariah memaklumkan setakat ini kerajaan negeri sudah memperuntukkan kira-kira RM130 juta untuk pembelian 1.25 juta dos vaksin.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**26 August 2021**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Selangor sedia beri suntikan ketiga
Muka Surat	:	5

Bergantung pada JKJAV, pastikan imuniti kelompok

# Selangor sedia beri suntikan ketiga



Oleh **MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS**

**SHAH ALAM** – Kerajaan negeri menerusi Selgate Corporation Sdn. Bhd. (Selgate) bersedia memberikan suntikan ketiga sekiranya perlu kepada penerima vaksin menerusi Program Vaksin Selangor (SelVAX).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr. Siti Mariah Mahmud berkata, persediaan juga dilakukan kepada penerima di bawah umur 18 tahun dalam memastikan imuniti berkelompok secara keseluruhannya.

"Bagaimanapun, semua tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV)," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan lisan Wong Siew Ki (**PH-Balakong**) yang ingin mengetahui baki vaksin di dalam SelVAX.

Tambah Siti Mariah, ketika ini, jumlah baki vaksin yang ada sehingga 22 Ogos lalu menerusi SelVAX adalah sebanyak 882,401 dos.

Jelasnya, daripada jumlah itu



**KERAJAAN Selangor turut melakukan persediaan untuk memberi suntikan kepada penerima bawah 18 tahun. – GAMBAR HIASAN**



**SITI MARIAH**

sebanyak 275,120 dos bagi SelVAX Komuniti, manakala 607,281 dos pula dalam SelVAX Industri.

Siti Mariah yang merupakan ADUN Seri Serdang ketika men-

jawab soalan tambahan Rajiv Rishyakaran (**PH-Bukit Gasing**) mengenai kos yang dibelanjakan Selgate bagi pembelian vaksin memberitahu, sejumlah RM127 juta digunakan untuk pembelian 1.25 juta dos bagi SelVAX.

Tambah beliau, peruntukan itu meliputi RM100 juta daripada kerajaan negeri dan selebihnya RM27 menerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

"Ini adalah kos untuk membeli vaksin dan jumlah ini tidak termasuk kos lain seperti penubuhan pusat pemberian vaksin (PPV), upah yang perlu dibayar kepada doktor yang melakukan suntikan vaksin Covid-19 dan lain-lain lagi," jelasnya.



## KERATAN AKHBAR

26 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor siap sedia beri dos ketiga menerusi SelVAX
Muka Surat	:	12

# Selangor siap sedia beri dos ketiga menerusi SelVAX

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor sedang membuat persiapan bagi memberikan suntikan vaksin Covid-19 dos ketiga untuk penduduk di negeri ini menerusi Program Vaksin Selangor (SelVAX).

Exco Kesihatan Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, selain itu, program berkenaan akan turut memberi fokus kepada penerima vaksin bagi golongan berumur 18 tahun ke bawah selepas ini, tertakluk kepada kelulusan oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV).

Dr Siti Mariah berkata, Selgate Corporation juga memutuskan untuk meneruskan penjualan vaksin menerusi klinik-klinik panel di seluruh negara bagi membantu melaksanakan pemberian suntikan vaksin secara menyeluruh.

“Pemberian vaksin secara percuma termasuk inisiatif se-

cara bergerak juga akan diteruskan oleh kerajaan negeri selepas ini,” katanya sewaktu Persidangan Dewan Undangan

Negeri (DUN) Selangor yang berlangsung pada Rabu.

Dr Siti Mariah berkata demikian bagi menjawab pertanyaan **Wong Siew Ki (DAP-Balakong)** berhubung baki vaksin menerusi program SelVAX dan perancangan mengenyainya.

Dalam pada itu, Dr Siti Mariah berkata, sehingga 22 Ogos lalu, bilangan dos vaksin yang telah disuntik bagi program SelVAX Komuniti adalah sebanyak 224,880 dos dan masih berbaki 275,120 dos.

“Bagi program SelVAX Industri pula, bilangan dos vaksin yang telah disuntik bagi tempoh sama adalah sebanyak 142,719 dos daripada 750,000 dos yang diperuntukkan berdasarkan stok dibeli dan berbaki sebanyak 607,281 dos,” katanya.



SITI MARIAH



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>26 August 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	215 kes kerja tanah haram dikesan
Muka Surat	:	22

# 215 kes kerja tanah haram dikesan

Daripada jumlah itu, 169 kes telah dikenakan tindakan kompaun oleh PBT

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

## SHAH ALAM

**S**ebanyak 215 kes kerja tanah haram berjaya dikesan di seluruh Selangor bagi tempoh bermula tahun lalu sehingga Jun lepas.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 169 kes telah dikenakan tindakan kompaun oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) selepas pemilik tanah terlibat didapati melanggar undang-undang ditetapkan.

Amirudin berkata, terdapat 34 kes dikenal pasti gagal bagi melaksanakan baik pulih tanah dan tiada mana-mana pihak telah didakwa di mahkamah bagi tempoh berkenaan.

“Berdasarkan rekod yang diterima, kawasan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK)

### SIDANG DUN SELANGOR



Suasana ketika sesi soal jawab pada Persidangan Penggal Keempat DUN Selangor Yang Ke-14 di Bangunan Dewan Negeri Selangor pada Rabu.

paling banyak dikenal pasti menjalankan kerja tanah haram membabitkan 52 kes dan 23 daripadanya dikenakan tindakan kompaun,” katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor yang berlangsung pada Rabu.

Amirudin berkata demikian bagi menjawab pertanyaan dikemukakan Edry Faizal Eddy Yusof (DAP-Dusun Tua) berhubung jumlah kerja tanah yang dikenal pasti oleh kerajaan negeri sejak tahun lalu.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, kerajaan negeri sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan bagi mengambil tindakan terhadap pihak yang melakukan kerja tanah haram.

“Jika terdapat kesan kacau ganggu, kompaun berulang akan diberikan kepada pemilik tanah terlibat.

“Fail siasatan akan dibuka untuk tindakan lanjut sekiranya tiada tindakan lanjut diambil oleh pemaaju,” katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

26 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bantu KKM pantau individu kuarantin
Muka Surat	:	22

# Bantu KKM pantau individu kuarantin di rumah

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor menerusi klinik Selcare dicadang membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memantau kesihatan individu positif Covid-19 yang menjalani proses kuarantin wajib di rumah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sementa, Dr Daroyah Alwi berkata, klinik-klinik panel di bawah Selcare dapat membantu bagi membuat panggilan secara dalam talian untuk memantau dan memberi khidmat nasihat kepada pihak terlibat sekiranya gejala semakin teruk.

Beliau berkata, cadangan itu berikutan beberapa kes yang berlaku sebelum ini di mana ada pihak yang tidak mendapat panduan sewajarnya sehingga menyebabkan gejala dialami mereka semakin teruk dan mengundang risiko bahaya.

“Klinik-klinik di bawah Selcare boleh berperanan untuk memberi nasihat



**DAROYAH**

selain menyediakan ubat-ubatan yang diperlukan berdasarkan pemantauan dilakukan secara dalam talian,” katanya sewaktu membahaskan usul menjunjung kasih Titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sewaktu Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, pada Rabu.

Dalam pada itu, Daroyah berkata, kerajaan Selangor juga boleh melaksanakan khidmat kaunseling kepada penduduk di negeri ini yang kehilangan ahli keluarga atau orang tersayang disebabkan oleh Covid-19.

Katanya, pimpinan kawasan perlu memainkan peranan masing-masing bagi membantu pihak yang memerlukan dalam keadaan mencabar ini.

“Kebajikan mereka ini perlu diberi perhatian oleh semua pihak sama ada wakil rakyat, ahli majlis, ketua kampung, ahli jawatankuasa masjid dan sebagainya,” katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

26 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	JPNS roboh binaan, kolam ikan di HSK Templer
Muka Surat	:	22

### JPNS roboh binaan, kolam ikan di HSK Templer

**SHAH ALAM** - Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) merobohkan sejumlah binaan dan memusnahkan kolam ikan yang didirikan di Hutan Simpan Kekal (HSK) Templer di sini pada Selasa.

Pengarah JPNS, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid berkata, operasi di kawasan seluas kira-kira 2.4 hektar itu bermula pada jam 8 pagi.

Menurutnya, operasi secara bersepadu itu disertai 80 anggota terdiri daripada pelbagai agensi penguatkuasaan antaranya Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Majlis Perbandaran Selayang, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kerja Raya Gombak.

“Operasi ini dibahagikan kepada tiga zon dan telah memusnahkan sembilan kolam ikan, empat pondok, masing-masing dua rumah, rumah kongsi, bengkel dan tandas.

“Binaan lain turut dimusnahkan kandang kambing dan kontena,” katanya



JPNS merobohkan sejumlah binaan yang didirikan di HSK Templer di sini pada Selasa.

dalam satu kenyataan media pada Rabu.

Ahmad Fadzil berkata, pasukannya turut membina parit gajah dengan kedalaman 1.8 meter dan lebar 1.2 meter di setiap pintu masuk ke tiga zon hutan itu bagi menghalang akses masuk kepada penceroboh.

“Operasi ini tamat pada jam 7 malam dan JPNS tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang menceroboh kawasan HSK.

“Pihak jabatan juga amat serius dalam menangani isu pencerobohan tanpa kebenaran di negeri ini,” jelasnya.



## KERATAN AKHBAR

26 August 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor sedia 11 PPV walk-in kepada warganegara
Muka Surat	:	22

### Selangor sedia 11 PPV *walk in* kepada warganegara

**SHAH ALAM** - Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) menetapkan sebanyak 11 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) secara terus atau *walk in* kepada warganegara bermula Isnin lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, inisiatif vaksinasi kaedah itu merupakan kesinambungan kepada usaha pemvaksinan di Lembah Klang.

Menurutnya, sebanyak tujuh PPV dibuka di negeri ini sejak pelaksanaan vaksinasi secara *walk in* pada Isnin.

“Tujuh PPV itu ialah Ideal Convention Centre (IDCC), Shah Alam- HCO B, Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Hulu Langat, Hotel Wyndham Acmar, Klang dan Dewan Sivik MBPJ, Petaling Jaya.

“Tiga lagi PPV ialah di Stadium Tertutup Kuala Selangor, Dewan Seri

Bernam, Sabak Bernam dan Dewan Kompleks Sukan, Majlis Perbandaran Kuala Langat,” katanya dalam satu kenyataan yang dimuat naik di Facebook Jabatan Kesihatan Selangor pada Rabu.

Dr Sha'ari berkata, sebanyak dua PPV lagi mula beroperasi secara *walk in* pada Rabu iaitu di Le Pavilion Gamuda Garden, Gombak dan Bukit Beruntung Golf Resort, Hulu Selangor.

“Pada Khamis, dua lagi PPV turut dibuka kepada warganegara bagi pendaftaran *walk in* iaitu di Galaxy Mall Ampang dan Universiti Multimedia, Cyberjaya,” katanya.

Beliau memberitahu, bagi vaksinasi secara janji temu bagi bukan warganegara pula perlu mendaftar melalui MySejahtera dengan menghubungi talian Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di 1800-888-828 atau [www.vaksincovid.gov.my](http://www.vaksincovid.gov.my) agar janji temu dapat diberikan.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	Bernama News Channel
Tajuk Berita	:	Program Selvax Dalam Persiapan Beri Suntikan Ketiga
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	Bernamea News Channel
Tajuk Berita	:	Sebanyak 169 Kerja Tanah Haram Di Selangor Dikompaun
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	Bernamea News Channel
Tajuk Berita	:	Selangor Dicadang Bantu KKM Pantau Pesakit Covid-19 Kuarantin Dirumah
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	Bernama Radio 24
Tajuk Berita	:	Sidang DUN Selangor Diberitahu Program Vaksinasi Selangor Kini Dalam Persiapan Memberi Dos Ketiga
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	Nasional FM (87.7)
Tajuk Berita	:	169 Kerja Tanah Haram Dikompaun
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**26 August 2021**

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Isu Kesihatan Mental : Fokus Tangani Masalah Lebih Holistik
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Program Mental Sihat : Fokus Tangani Masalah Lebih Holistik
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Bayar Cukai Taksiran Melalui eCukai@MBPJ Dapat Barangan Elektrik
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Cadang Selcare Bantu KKM Pantau Pesakit Covid-19 Dirumah
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	MAIS Semarak Merdeka, Edar Jalur Gemilang
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	MPK Sumbang 5,800 Bakul Makanan Bantu Golongan Sasar
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Pengambilan Kad Nikah Ikut Janji Temu - JAIS
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Selangor Mampu Masuk Fasa 2 PPN September Ini - ADN
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	Sinar FM
Tajuk Berita	:	Program Selvax Dalam Persiapan Untuk Suntikan Dos Ketiga
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	TV3
Tajuk Berita	:	Program Selvax Dalam Persiapan Untuk Suntikan Dos Ketiga
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**25 August 2021**

Akhbar	:	TV3
Tajuk Berita	:	Program SelVax Dalam Persiapan Untuk Suntikan Dos Ketiga
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

**26 August 2021**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	PARKS REOPENING
Muka Surat	:	2

## **PARKS REOPENING**

